

PERATURAN PENDAFTARAN DAN PINJAMAN BUKU SECARA BERKELOMPOK

1. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis/mengisi borang yang disediakan.
2. Pegawai dari Perpustakaan Negara Malaysia akan melawat ke tempat Jabatan/Institusi/Sekolah yang memohon untuk berbincang dan meninjau kedudukan serta kemudahan-kemudahan sedia ada.
3. Pihak Jabatan/Institusi/Sekolah dikehendaki menyediakan satu tempat/rak khas untuk menyimpan buku-buku Pinjaman Berkelompok supaya tidak bercampur dengan koleksi sendiri bagi memudahkan dari segi kawalan.
4. Peraturan untuk pembaca hendaklah disediakan oleh Jabatan/Institusi/Sekolah yang menerima perkhidmatan Pinjaman Berkelompok.
5. Sebanyak 400 naskhah buku boleh dipinjamkan pada tiap-tiap satu masa. Jangka masa pinjaman ialah 3 bulan. Lanjutan tempoh pinjaman tersebut boleh dibuat (jika perlu) untuk jangkamasa 3 bulan lagi.
6. Pihak Jabatan/Institusi/Sekolah hendaklah menghantar Pegawai mereka untuk memilih buku-buku pinjaman berdasarkan kepada keperluan Jabatan/Institusi/Sekolah berkenaan. Tarikh dan masa pemilihan hendaklah diatur dengan pegawai Pinjaman Berkelompok bagi memudahkan urusan.
7. Pihak Jabatan/Institusi/Sekolah hendaklah menyediakan pengangkutan sendiri untuk mengambil dan memulangkan buku-buku Pinjaman Berkelompok.
8. Pihak Jabatan/Institusi/Sekolah adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan buku-buku yang dipinjam. Seorang Pegawai hendaklah ditugaskan untuk tujuan tersebut.
9. Pihak Jabatan/Institusi/Sekolah adalah bertanggungjawab untuk membayar denda dan gantirugi bagi buku-buku yang hilang atau rosak dalam pinjaman berdasarkan Akta Perpustakaan Negara 1972; Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) 1993, P.U. (A) 295, Jadual Kedua (Peraturan 3), perkara 2 iaitu dikenakan denda dua kali harga asal atau semasa sumber mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
10. Jika lewat, Jabatan/Institusi/Sekolah akan dikenakan caj denda lewat pemulangan bahan sebanyak 10 sen sehari bagi setiap buku.
11. Jabatan/Institusi/Sekolah yang ingin mendapatkan perkhidmatan ini, dikehendaki bersetuju secara bertulis akan mematuhi syarat-syarat pinjaman berkenaan dengan menandatangani Perjanjian Pinjaman Berkelompok, Perpustakaan Negara Malaysia.

Timbalan Pengarah Bahagian Pinjaman
b.p. Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia